

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN BANDAR DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
OKTOBER 1997

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang disediakan
oleh
MARIA ABD. RAHMAN

bertajuk

REKABENTUK LALUAN PEJALAN KAKI DI
JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR


diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk
memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia : Tn Syed Mohd Hassan Syed Subli

Koordinator : En. Yusuff Ismail

Ketua Kursus: En. Hanafi Ismail

(Nama)



(Tandatangan)

**REKABENTUK LALUAN PEJALAN KAKI
DI JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN**

Oleh :

MARIA ABD. RAIMAN

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam**

Oktober 1997

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Pada masa kini, Kuala Lumpur sedang mengalami kepesatan pembangunan. Akibat dari kepesatan pembangunan inilah yang mengakibatkan pelbagai masalah yang timbul. Perancangan seharusnya sempurna supaya kita akan dapat menuju ke arah perkembangan pembangunan yang lebih positif. Seharusnya di dalam perancangan bandar, harus di ambilkira penyediaan kawasan yang cukup untuk keperluan perumahan, rekreasi, perdagangan dan lain-lain lagi yang menjadi keperluan masyarakat. Kesan daripada kegiatan harian seseorang individu itu yang melibatkan aktiviti berjalan kaki seperti pergi membeli-belah, pergi ke pejabat atau sekolah, membersihkan rumah dan bermacam-macam lagi menjadikan kemudahan untuk berjalan kaki suatu perkara yang penting di dalam perancangan sesebuah kawasan itu.

Di dalam setiap kawasan bandar seharusnya disediakan dengan pelbagai kemudahan. Ini adalah untuk memastikan pengunjung yang datang ke kawasan tersebut adalah selesa dan dapat menggunakan kemudahan dengan sepenuhnya. Di antara kemudahan yang dimaksudkan ini adalah laluan pejalan kaki yang menjadi keperluan

terutama sekali di dalam kawasan bandar. Laluan pejalan kaki disediakan untuk kegunaan pejalan kaki bagi memastikan aktiviti yang akan dilakukan berjalan dengan sempurna. Kepentingan untuk ruang pejalan kaki ini adalah sedikit sebanyak disebabkan oleh kepesatan perkembangan bandar yang secara langsung telah mempertingkatkan jumlah kenderaan dan juga jumlah pejalan kaki.

Berdasarkan faktor-faktor yang telah disebutkan di atas, maka wujudlah ruang-ruang khas untuk para pejalan kaki. Terdapatnya rekabentuk laluan pejalan kaki seperti kaki lima, jejantas, laluan bawah tanah, lintasan belang dan lain-lain lagi adalah bagi menjamin keselamatan pejalan kaki serta memastikan mereka ini menggunakan kemudahan yang telah disediakan. Ini juga adalah sebagai satu langkah untuk mengelakkan dari pembaziran yang akan terjadi sekiranya kemudahan itu tadi dipersiapkan.

Implikasinya ialah, pada masa kini, didapati sukar untuk berjalan kaki. Ini adalah disebabkan dengan penambahan kelebaran jalan yang kerap dilakukan pada masa kini telah menyebabkan saiz laluan pejalan kaki samada semakin mengecil atau dihapuskan terus. Ini mengakibatkan laluan pejalan kaki dan laluan kenderaan adalah di atas jalan yang sama. Ini adalah tidak selamat kerana ia membahayakan pejalan kaki dan mempunyai risiko yang tinggi. Kesan dari itu, laluan pejalan kaki adalah penting bagi menjamin keselamatan pejalan kaki dipelihara.

Malangnya pada masa kini, kebanyakan laluan hanya diberi keutamaan kepada kenderaan sahaja. Ini adalah sungguh berbeza dengan negara luar yang mementingkan laluan pejalan kaki. Ini adalah kerana penggalakkan penggunaan laluan pejalan kaki adalah sihat dan dapat memupuk interaksi sosial di kalangan pengguna. Malah, tahap penggunaan laluan seperti ini adalah lebih berbanding dengan kita di Malaysia. Ini adalah kerana masih lagi terdapat pejalan kaki yang menyalahgunakan kemudahan yang disediakan ini. Tabiat ini adalah tidak selamat dan kurang sihat.

Jadi, pengkaji berpendapat, adalah penting untuk mengkaji rekabentuk laluan pejalan kaki ini untuk mengetahui mengapa terjadinya penyalahgunaan kemudahan untuk pejalan kaki.

1.1 KENYATAAN MASALAH

Di dalam kawasan bandar yang sentiasa sibuk dan sesak, selalunya terdapat beberapa masalah yang timbul. Keadaan ini timbul walaupun dengan tersedianya kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam. Ini termasuklah kemudahan laluan pejalan kaki. Di dalam kawasan bandar sememangnya disediakan kemudahan untuk pejalan kaki. Namun, terdapat pejalan kaki yang mengabaikan kemudahan ini. Di antara masalah yang timbul adalah dari segi: